

08 NOV 1996

AGONG HANTAR PERUTUSAN TAHNIAH KEPADA SIHANOUK

KUALA LUMPUR, 8 Nov (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar telah mengirimi perutusan tahniah kepada Raja Norodom Sihanouk sempena Hari Kebangsaan Kemboja.

Menurut kenyataan Wisma Putra di sini hari ini, Seri Paduka amat gembira dengan kemajuan yang dicapai oleh Kemboja sejak kebelakangan ini ke arah pembangunan ekonomi.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menghantar perutusan kepada Perdana Menteri Pertama Kemboja Putera Norodom Ranariddh.

Dalam perutusannya, Dr Mahathir berkata kerjasama antara Kemboja dan Malaysia semakin menggalakkan dan rakyat dari kedua-dua negara bekerjasama rapat bagi memupuk perdagangan dan kegiatan komersil.

Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi menghantar perutusan kepada rakan sejawatannya Ung Huot dengan melahirkan keyakinan bahawa kerjasama dan kerjasama antara kedua-dua negara dapat diperkukuhkan lagi. -- BERNAMA
RAM FAZ